

Untuk menyelaraskan pengajian di negara ini

Tubuh Institut Sains Komputer—Dr. M

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan penubuhan sebuah Institut Sains Komputer untuk menyelaraskan seluruh pengajian berkaitan dengan komputer di negara ini.

Penubuhan institut sedemikian, katanya, akan secara khusus merancang dan menjalankan kursus-kursus komputer yang sesuai dengan keperluan kakitangan komputer di negara ini.

Kursus-kursus latihan berkenaan pula, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir, bertujuan sebagai tambahan kepada kursus-kursus asas yang sedia ada di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara kita sekarang.

Bellau mencadangkan institut itu diwujudkan sama ada sebagai satu in-

stitut yang baru atau diperkembangkan dari asas yang telah ada di institusi pengajian tinggi di negara ini sekarang.

Datuk Seri Dr. Mahathir membuat cadangan ini sewaktu merasmikan seminar 'Ke arah Penggunaan Komputer Yang Lebih Berkesan Di Malaysia', di sini pagi ini.

Diperbesar

Cadangan bellau yang kedua ialah supaya Bahagian Prosesan Data Automatik dan Jawatankuasa Prosesan Data Automatik di Jabatan Perdana Menteri sekarang diperbesar dan dijadikan jabatan atau unit sepenuhnya.

Cadangan tersebut bertujuan supaya perkhidmatan teknik dan lain-lain khidmat sokongan yang berkaitan dengan bidang komputer dapat diperluas dan dijari kepada agensi-agensi Kerajaan yang memerlukananya dengan lebih memuaskan.

Unit yang dicadangkan akan disusun semula ini, katanya, diharapkan dapat memberi perkhidmatan yang lebih meluas termasuk bidang menjalankan tanggungjawab menyelaraskan pengambilan, latihan dan penempatan kakitangan komputer dalam perkhidmatan Kerajaan.

Membantu

Terdahulu dari itu, Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAM-PU), meramalkan pertumbuhan bilangan komputer di agensi-agensi Kerajaan sebanyak 25 peratus setahun dalam tahun-tahun 80an ini.

Ketua Pengarah MAMPU, Dr. Abdullah Sanusi pula berkata, sektor swasta perlu membantu agensi-agensi Kerajaan dalam memperkembangkan penggunaan komputer ke arah yang lebih berkesan.

Pihak swasta juga, katanya, perlu membantu agensi-agensi berkenaan dalam aspek latihan kakitangan di bidang komputer dan mengurangkan pengaliran kakitangan komputer ke sektor swasta.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia